

## Pengaruh Budaya Yang Mempengaruhi Wujudnya Perbezaan Penggunaan Dialek Di Kawasan Pendang, Kedah

Zaliza Zubir<sup>1</sup>, dan Zuliana Zubir  
Pusat Bahasa Antarabangsa, UniMAP

### ABSTRAK

Dialek ialah variasi daripada sesuatu bahasa yang digunakan dalam pertuturan oleh sekumpulan penutur di sesebuah tempat. Setiap dialek mempunyai sifat-sifatnya tersendiri yang membezakannya dari dialek-dialek lain. Perbezaan antara dialek-dialek itu boleh dilihat dari sistem bahasa dialek tersebut. Oleh itu, kertas kerja ini dihasilkan bertujuan untuk menunjukkan bahawa wujudnya pengaruh budaya yang mempengaruhi perbezaan penggunaan dialek di kawasan Pendang, Kedah. Hal ini mungkin terjadi akibat daripada pengaruh budaya seperti ekonomi, penjajahan, perkahwinan, pendidikan, keagamaan dan sebagainya. Selain itu, kajian ini juga bertujuan menganalisis fonologi dialek Charok Kudung yang merupakan salah satu tempat yang masih kuat pengaruh dialeknya. Pengkaji juga ingin menjelaskan dan menunjukkan perbezaan dari segi fonologi atau sebutannya. Perbezaan yang berlaku mungkin juga disebabkan oleh pengaruh luar yang masuk ke dalam kawasan Pendang, Kedah sehingga menyebabkan wujudnya perbezaan dialek. Dalam melaksanakan kajian ini, dua buah kampung yang terlibat ialah Kampung Bukit Jambul dan Kampung Charok Kudong yang terletak di kawasan Pendang, Kedah. Kajian ini melibatkan 30 orang responden, iaitu 10 orang responden dari Kampung Bukit Jambul, 10 orang responden dari Kampung Charok Kudong dan 10 orang responden lagi adalah penutur jati dialek Baling yang boleh memberi maklumat atau data. Kaedah kajian yang dijalankan adalah mengkaji bunyi melalui soal selidik yang dilakukan kepada penduduk Kampung Charok Kudung, Kampung Bukit Jambul dan segelintir daripada penduduk kawasan Baling yang menuturkan dialek yang sama. Hasil dapatkan kajian ini, pengkaji ingin mengemukakan kajian dialek yang berkaitan dengan pengaruh luar atau keadaan yang telah menyebabkan berlakunya perbezaan sebutan dan makna dalam sesuatu dialek yang berbeza walaupun dari daerah atau kawasan yang sama.

**Kata kunci:** Pengaruh budaya, fonologi dialek, perbezaan, sebutan dialek.

---

<sup>1</sup> zaliza@unimap.edu

## 1.0 PENGENALAN

Bahasa merupakan alat perhubungan yang penting dalam kehidupan manusia sehari-hari. Melalui bahasalah manusia dapat berinteraksi antara satu sama lain dan dapat melahirkan perasaan, pendapat, keinginan dan sebagainya. Menurut Mangantar Simujuntak (1987: 7) bahasa adalah satu struktur yang unik dan terdiri daripada bunyi-bunyi ucapan yang dipilih dan disusun secara sewenang-wengangnya untuk digunakan sebagai alat perhubungan. Di Malaysia, konsep dialek secara umumnya dikaitkan dengan ragam pertuturan yang didasarkan pada daerah atau kawasan pertuturnya. Oleh yang demikian, pada suatu ketika dahulu istilah bahasa daerah atau loghat daerah digunakan (Nik Safiah Karim, 1965).

Sebenarnya, istilah dialek yang sering digunakan ini berasal dari perkataan Yunani “Dialektos” iaitu ‘Manner of Speech’ yang pada mulanya digunakan dalam hubungannya dengan bahasa Yunani itu sendiri (Ayatrohaedi, 1979: 1). Di Yunani terdapat perbezaan-perbezaan kecil dalam bahasa yang digunakan oleh pendukungnya masing-masing tetapi keadaan ini tidak sampai menyebabkan mereka mempunyai bahasa yang berbeza. Kebanyakan bahasa, dialek-dialek daripada bahasa tersebut menggunakan nama negeri dan daerah kumpulan penutur. Sebagai contoh, di semenanjung Malaysia terdapat dialek Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Johor, Pahang dan banyak lagi mengikut kawasan atau negeri. Pembahagian ini bukanlah kerana sempadan politik semata-mata tetapi dengan merujuk perbezaan daripada pelbagai aspek bahasa. Di samping itu, terdapat juga dialek-dialek suku kaum terutamanya di Malaysia timur. Dialek-dialek yang berbagai-bagai ini pula wujud disebabkan oleh beberapa faktor, seperti faktor geografi, politik, penjajahan, perdagangan, masa dan seumpamanya (Abdul Hamid Mahmood, 1982: 339).

Dialek daerah pula merupakan satu kelainan daripada satu bahasa yang terbit daripada perbezaan aspek pengucapan sekumpulan penutur tersebut yang dipengaruhi oleh alam sekitarnya (Asmah Haji Omar, 1985: 25). Dialek sosial pula merujuk kepada kelas sosial dan tingkat pendidikan penuturnya. Keadaan demikian menyebabkan dialek kerap dianggap sebagai “*nonstandard*” atau “*substandard*” yang terdiri di luar sesuatu bahasa. Anggapan ini timbul kerana dialek dikategorikan sebagai sesuatu bentuk bahasa yang berstatus rendah dan bersifat kedesaan. Istilah ‘dialek’ lazimnya dikaitkan dengan bentuk-bentuk bahasa yang dituturkan oleh penduduk yang tinggal di kawasan-kawasan terpencil di dunia yang tidak mempunyai bentuk tulisan. Dialek dianggap sebagai satu bentuk yang menyimpang daripada bentuk bahasa yang betul atau standard. Demikian pengertian dan huraihan tentang dialek menurut Chambers dan Trudgill (1990: 3).

## 2.0 PERNYATAAN MASALAH

Terdapat pelbagai kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik yang berkaitan dengan dialek seperti dialek Kedah, Kelantan, Terengganu, Perak, Johor, Perlis, Pahang, Negeri Sembilan. Antara kajian yang dilakukan berkaitan dengan dialek termasuklah perbandingan dialek dengan dialek lain atau perbandingan dialek dengan subdialek, perbandingan dialek dengan bahasa Melayu Baku dan pelbagai lagi kajian yang berkaitan dengan dialek termasuklah kajian dialek daripada aspek fonologi, morfologi, sintaksis, semantik, mahupun kata leksikal. Namun, kajian lepas yang dilakukan masih tidak menyeluruh dan masih wujud lompang-lompang yang belum dikaji oleh pengkaji yang lepas. Oleh itu, dalam kajian yang dilakukan oleh pengkaji yang berkaitan dengan perbandingan dialek Utara dengan dialek Charok Kudong yang dituturkan di kawasan Pendang Kedah. Pengkaji memilih tajuk ini kerana masih terdapat lompang-lompang daripada kajian yang lepas kerana tidak semua kajian yang lepas mengkaji dengan mendalam tentang kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji. Sebagai contoh, kajian dialek yang berkaitan dengan aspek fonologi. Kebanyakan kajian yang berkaitan dengan aspek ini hanya berfokuskan kepada kajian struktur fonologi itu sahaja, tetapi tidak membuat kajian yang berkaitan dengan perbandingan kepada struktur fonologi dialek tersebut dengan dialek yang lain.

Selain itu, kajian yang berkaitan dengan dialektologi juga masih tidak menyeluruh. Walaupun terdapat banyak kajian yang berkaitan dengan dialek, namun ia hanya berfokuskan kepada aspek linguistik sahaja. Masih lagi wujud kekurangan yang berkaitan dengan dialek yang mengkaji dialek tersebut dari aspek non linguistik. Hal ini dapat dilihat dalam kajian dialek yang dijalankan oleh pengkaji Barat, mereka masih tidak jelas bagaimana wujudnya perbezaan dialek tersebut. Mereka hanya mengetahui dan menganalisis dialek yang ada berkaitan dengan aspek linguistik sahaja. Oleh itu, kajian dialek berkaitan dengan aspek non linguistik adalah penting supaya pengkaji mengetahui asal usul bagaimana dan kenapa wujudnya perbezaan dialek yang ada ini. Sebagai contoh, kajian yang dijalankan oleh James T. Collins hanya memfokuskan kepada aspek linguistik sahaja seperti fonologi, leksikal, semantik dan sebagainya.

## 3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai dua objektif, iaitu menghuraikan pengaruh budaya yang mempengaruhi wujudnya perbezaan penggunaan dialek di kawasan Pendang, Kedah dan menganalisis fonologi dialek Charok Kudong

### **3.1 Kepentingan kajian**

Mengkaji dialek amatlah penting untuk menyuburkan penggunaannya dalam kalangan generasi akan datang. Dialek tidak seperti bahasa standard atau baku yang telah dibina hasil daripada satu perancangan yang rapi oleh pakar-pakar bahasa. Dialek hadir daripada satu proses yang tersendiri dan mempunyai kepelbagaiannya ayat.

Kajian yang bertajuk “Pengaruh Budaya yang Mempengaruhi Wujudnya Perbezaan Penggunaan Dialek di Kawasan Pendang, Kedah” ini dilihat sebagai satu kajian yang penting kerana beberapa sebab. Pertama, kajian ini dapat dijadikan rujukan kepada sesiapa sahaja termasuklah kepada pelajar dan pengajar dalam bidang Pengajaran dan Pembelajaran. Dengan adanya rujukan dan bahan bacaan ini dapat mendorong pelajar untuk menjalankan kajian yang lain berkaitan dengan dialek. Mereka juga dapat mengetahui sedikit sebanyak wujudnya subdialek yang ada di kawasan yang sama. Kedua, kajian ini juga penting kepada Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan untuk dijadikan khazanah di negeri Kedah.

Selain itu, kajian ini juga cuba menjelaskan kepada umum tentang wujudnya perbezaan dialek di kawasan Pendang walaupun berasal dari satu daerah yang sama. Dalam kajian ini pengkaji cuba menjelaskan kepada umum berkaitan dengan perbezaan leksikal yang melibatkan pelbagai jenis kata, contohnya kata nama. Pelbagai keunikan dalam dialek Kelantan atau Siam yang dituturkan di Kampung Charok Kudong telah menjadi tarikan yang utama dan mendorong pengkaji mengkaji dengan lebih mendalam dan membuat perbandingan daripada setiap aspek linguistiknya.

Pengkaji juga ingin menjelaskan dan menunjukkan perbezaan dari segi fonologi atau sebutannya. Ramai yang tidak mengetahui tentang wujudnya perbezaan dari segi fonologi ini. Perbezaan ini juga disebabkan oleh terdapatnya pengaruh luar yang masuk ke dalam kawasan ini sehingga menyebabkan wujudnya perbezaan dialek ini.

## **4.0 METODOLOGI**

Kajian ini dilaksanakan di dua buah kampung iaitu Kampung Charok Kudong dan Kampung Bukit Jambul dan yang terletak di kawasan Pendang, Kedah. Kajian ini melibatkan 30 orang responden, iaitu 10 orang responden dari Kampung Bukit Jambul, 10 orang responden dari Kampung Charok Kudong

dan 10 orang responden lagi adalah penutur jati dialek Baling yang boleh memberi maklumat atau data.

Dalam kajian ini pengkaji cuba menfokuskan beberapa objektif yang utama, iaitu untuk menghuraikan pengaruh budaya yang mempengaruhi wujudnya perbezaan dialek di kawasan Pendang Kedah dan menganalisis aspek fonologi yang digunakan oleh masyarakat kedua-dua kampung tersebut.

Kajian ini dibahaskan berlandaskan kepada teori transformasi generatif yang dipelopori oleh Noam Chomsky pada tahun 1957 dan juga analisis data swadesh yang menggunakan 200 kata akar yang tidak menerima imbuhan dan bahasa asing.

## **5.0 DEFINISI OPERASIONAL**

### **5.1 Dialek**

Dialek ialah variasi daripada sesuatu bahasa yang digunakan dalam pertuturan sekumpulan penutur di sesebuah tempat.

### **5.2 Perbandingan**

Perkataan perbandingan berasal daripada kata banding yang bermaksudimbangan, perimbangan, persamaan atau perbezaan (Kamus Dewan, 2007: 120).

### **5.3 Fonologi**

Fonologi merupakan satu daripada komponen tatabahasa yang mengkaji bunyi yang merupakan aspek terpenting dalam sistem bahasa.

### **5.4 Lokasi Kajian**

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji melibatkan dua buah kampung yang terletak di daerah yang sama. Antara dua buah kampung yang menjadi lokasi kajian adalah Kampung Charok dan Kudong Kampung Bukit Jambul yang terletak di kawasan Pendang Kedah.

### **5.5 Dapatan kajian**

Dalam dapatan kajian ini, pengkaji ingin mengemukakan kajian dialek yang berkaitan dengan pengaruh luar atau keadaan yang telah menyebabkan

berlakunya perbezaan sebutan dan makna dalam sesuatu dialek yang berbeza tetapi dari daerah yang sama. Hal ini mungkin terjadi akibat daripada pengaruh budaya seperti ekonomi, penjajahan, perkahwinan, pendidikan, keagamaan dan sebagainya. Selain itu, pengkaji juga menganalisis sebutan atau aspek fonologi dalam dialek Charok Kudong.

## **6.0 PENGARUH BUDAYA YANG MEMPENGARUHI WUJUDNYA PERBEZAAN PENGGUNAAN DIALEK DI KAWASAN PENDANG, KEDAH**

### **6.1 Pengenalan**

Perkara yang dibincangkan dalam bab ini menyentuh persoalan pengaruh budaya terhadap dialek Utara yang dituturkan di Kampung Bukit Jambul dengan dialek Patani yang dituturkan di Kampung Charok Kudong berdasarkan faktor yang menyebabkan terjadinya perbezaan kedua-dua dialek ini. Antara faktor yang menyebabkan perbezaan kedua-dua dialek ini adalah pengaruh budaya daripada segi penjajahan, ekonomi, perpindahan atau migrasi, perkahwinan dan daripada segi pendidikan atau keagamaan. Faktor-faktor ini telah menyebabkan berlakunya perbezaan dialek walaupun berasal daripada daerah yang sama.

### **6.2 Penjajahan**

Pada tahun 1813, ramai rakyat Patani telah melarikan diri ke Kedah, Kelantan, Perlis dan Perak akibat daripada serangan yang telah dilakukan oleh Rama II (1809-1824) kerana keengganan pemerintah Patani, iaitu Datun Kun Pangkalan Tunduk untuk mengakui kedaulatan Siam ke atas Patani. Kerajaan Patani telah jatuh ke tangan Siam pada tahun 1813 dan telah menyebabkan orang Patani terus berhijrah ke negeri Kedah, iaitu di Baling dan Kampung Charok Kudong yang terletak di daerah Pendang yang dijadikan sebagai kawasan kajian pengkaji. Penjajahan ini berlaku kerana penduduk dari kerajaan Patani ingin melarikan diri daripada tumpok pemerintahan kerajaan Siam dan kerajaan Siam juga telah banyak menyebabkan rakyat Patani hidup dalam kesusahan, kemiskinan dan ketakutan. Mereka banyak diseksa oleh kerajaan Siam yang bertindak tidak adil dan tidak berperikemanusiaan terhadap rakyat Patani. Keadaan ini menyebabkan penduduk-penduduk Patani melarikan diri ke negeri yang berdekatan dengan Patani termasuklah di Kampung Charok Kudong yang terletak di kawasan Pendang, Kedah. Kedatangan penduduk Patani ke kawasan tersebut adalah kerana ingin bebas daripada penjajahan kerajaan Siam dan terus menjadi penduduk tetap daripada kawasan tersebut sehingga sekarang. Akibat daripada penjajahan kerajaan Siam terhadap kerajaan Patani telah menyebabkan

penduduk Patani berhijrah ke negeri Kedah dan menyebabkan terjadinya kemasukan dialek atau bahasa dari Patani yang masih digunakan oleh penduduk di Kampung Charok Kudong terutama sekali dalam kalangan golongan dewasa. Hal ini dapat dilihat dalam dialek Baling yang mempunyai persamaan dengan dialek Charok Kudong.

### 6.3 Ekonomi

Penduduk di Kampung Charok Kudong sememangnya telah menjalankan pelbagai aktiviti ekonomi untuk menyara hidup mereka sehari-hari bagi mendapatkan hasil yang lebih baik. Selain itu, Kampung Charok Kudong adalah sebuah tempat atau perkampungan yang mempunyai hasil ekonomi yang tersendiri dan mampu menarik pedagang dari luar untuk datang ke Kampung tersebut dan mendapatkan hasil ekonomi dari kampung tersebut. Penduduk kampung ini lebih banyak menjalankan aktiviti ekonomi seperti pertanian yang merangkumi aktiviti menanam padi, menoreh getah dan aktiviti bercucuk tanam. Dengan adanya aktiviti ekonomi ini, telah mewujudkan aktiviti perdagangan yang pesat untuk memperoleh hasil titik peluh penduduk dari Kampung Charok Kudong. Hal ini dapat dilihat kemasukan pedagang Patani untuk mendapatkan bahan mentah dari Kampung Charok Kudong. Kedatangan pedagang dari Patani telah menyebabkan berlakunya aktiviti ekonomi yang maju dan menambahkan lagi pendapatan penduduk di Kampung Charok Kudong. Selain itu, kemasukan pedagang dari Patani ke Kampung Charok Kudong lebih gemar untuk menggunakan dialek Patani semasa berurus niaga. Hal ini telah menyebabkan berlakunya penggunaan dialek Patani semasa berurus niaga. Penduduk dari Kampung Charok Kudong juga terpaksa mendalam dan memahami berkaitan dengan dialek Patani agar urus niaga yang dijalankan akan berjalan dengan lancar. Sehingga sekarang penggunaan dialek Patani masih kuat digunakan di Kampung Charok Kudong terutama dalam kalangan golongan dewasa seperti dialek Baling.

### 6.4 Perpindahan atau Migrasi

Oleh kerana wujudnya kemasukan penduduk Patani ke Kedah melalui penjajahan dan aktiviti ekonomi, hal ini telah menyebabkan terjadinya perpindahan atau migrasi penduduk dari Patani untuk terus menetap di Kedah termasuklah di Kampung Charok Kudong. Kedatangan penduduk Patani ke Kedah adalah kerana mereka ingin bebas daripada penjajahan Siam yang bertindak kejam terhadap mereka. Kedatangan penduduk Patani juga telah menyebabkan berlakunya perbezaan dialek walaupun berasal dari daerah yang sama. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini yang mempunyai perbezaan dialek walaupun dari daerah yang sama seperti dialek Utara yang dituturkan oleh

penduduk dari Kampung Bukit Jambul dan dialek Patani yang dituturkan oleh penduduk dari Kampung Charok Kudong. Oleh sebab wujudnya kemasukan penduduk dari Patani telah mendorong wujudnya perbezaan daripada pelbagai aspek termasuklah dari segi bahasa atau dialek yang digunakan oleh penduduk kampung tersebut. Selain itu, pengaruh penjajahan Siam ke Patani telah menyebabkan berlakunya perpindahan penduduk Patani untuk terus tinggal di Kampung Charok Kudong dan menjadi penduduk tetap di kampung tersebut dan sehingga sekarang masih adanya golongan yang berketurunan Patani yang tinggal di sini.

## **6.5 Perkahwinan**

Selain daripada pengaruh penjajahan, ekonomi dan perpindahan penduduk Patani ke Kampung Charok Kudong juga telah mewujudkan hasil perkahwinan di antara penduduk di Kampung Charok Kudong dengan penduduk Patani. Hal ini telah menyebabkan wujudnya sebuah keluarga yang mempunyai darah campuran dari Patani dan sehingga sekarang masih menuturkan dialek Patani dan mengamalkan adat resam dari Patani seperti makanan, adat perkahwinan dan pantang larang yang diamalkan oleh penduduk dari Patani. Selain itu, kedatangan penduduk Patani ke Kampung Charok Kudong juga adalah kerana ingin mendapatkan status penduduk tetap di kawasan tersebut dengan berkahwin dengan penduduk asal dari Kampung Charok Kudong. Oleh itu, ramai penduduk dari Patani yang telah berkahwin dengan penduduk Kampung Charok Kudong untuk terus menetap di Kampung Charok Kudong dan melahirkan generasi baru yang mempunyai darah campuran dengan Patani dan masih mengekalkan adat dari Patani termasuklah dari segi bahasa atau dialek mereka. Sehingga sekarang masih terdapat penduduk dari Kampung Charok Kudong yang menuturkan dialek Patani kerana terdapat pengaruh daripada keadaan sekeliling dan latar belakang penduduk Kampung Charok Kudong yang mempunyai darah campuran dari Patani sendiri seperti datuk dan nenek yang sememangnya berasal dari Patani.

## **6.6 Pendidikan atau Keagamaan**

Kebanyakan masyarakat Patani yang berkahwin dengan penduduk dari Kampung Charok Kudong lebih gemar menghantar anak-anak mereka ke sekolah Pondok untuk menimba ilmu. Hal ini demikian kerana Patani adalah sebuah pusat penyebaran Islam yang terawal. Selalunya, kegiatan keagamaan ini dilaksanakan di kawasan-kawasan pedalaman bagi memudahkan mereka untuk menghayati penyampaian agama Islam dengan lebih berkesan. Penyebaran Islam ini telah sampai ke Kedah termasuklah di Kampung Charok Kudong. Oleh itu, masyarakat Patani yang berkahwin dengan penduduk dari Kampung Charok

Kudong lebih gemar menghantar anak-anak mereka ke Patani untuk mendalami ilmu keagamaan. Sistem pendidikan Patani adalah berteraskan kepada pengajian Islam yang bermula menerusi penubuhan institusi pengajian pondok yang didirikan sebagai pusat pengajian rakyat. Perkataan ‘Pondok’ telah dipilih kerana sesuai dengan sistem perbendaharaan kata bahasa Arab, iaitu “Fondoq” yang bermaksud bangunan untuk pengembara. Penduduk Kampung Charok Kudong menerima ilmu di sekolah Pondok di Patani seperti Pondok Dala, Bernim, Semala dan Dual. Masjid juga telah dibina di Kampung Charok Kudong untuk memudahkan penduduk mendalami dan melakukan aktiviti keagamaan dengan lebih berkesan. Terdapat penduduk dari Kampung Charok Kudong yang dihantar ke Patani untuk mendalami ilmu agama. Hal ini telah menyebabkan wujudnya penggunaan dialek Patani semasa penyampaian ilmu agama dilakukan. Secara tidak langsung mereka yang mendengar dan menerima pendidikan agama dari Patani juga telah menggunakan dialek Patani tersebut semasa menerima ilmu pendidikan mahupun semasa berhubung antara satu sama lain agar mereka lebih memahami dengan apa yang diperkatakan dan dipelajari. Selain itu, penduduk Kampung Charok Kudong yang menerima ilmu agama dari Patani telah pulang ke Kampung Charok Kudong dan menyebarkan ilmu agama dengan menggunakan dialek Patani kerana mereka telah membiasakan diri dengan penggunaan dialek Patani semasa proses penerimaan ilmu agama. Hal ini telah menyebabkan berlakunya penyebaran yang luas dalam penggunaan dialek Patani ke atas penduduk Kampung Charok Kudong itu sendiri.

## 7.0 FONOLOGI DIALEK CHAROK KUDONG

Aspek fonologi yang akan dibincangkan adalah merangkumi aspek fonem vokal dan konsonan. Secara keseluruhannya, dialek Charok Kudong mempunyai lapan fonem vokal dan 21 fonem konsonan. Semua fonem-fonem vokal akan dihuraikan seperti berikut:

### 7.1 Vokal

Vokal ialah bunyi bersuara yang apabila dibunyikan udara dari paru-paru akan keluar tanpa sekat atau sempitan dan boleh menghasilkan bunyi geseran (Arbak Othman, 1984: 54). R. H Robin (1964: 94) pula berpendapat bahawa vokal adalah bunyi bersuara yang terbentuk apabila arus udara mengalir terus dari paru-paru ke mulut. Dengan kata lain, tiada sempitan atau halangan sewaktu menghasilkan bunyi vokal.

DCK mempunyai lapan fonem vokal. Fonem-fonem ini terdiri daripada empat fonem vokal depan, satu vokal tengah dan tiga vokal belakang. Fonem-fonem vokal tersebut ialah / i /, / e /, ε /, a /, / ə /, / u /, / o / dan / ɔ /.

### 7.1.1 Vokal depan

#### a) Vokal depan sempit [ i ]

Vokal depan sempit [ i ] dalam DCK boleh hadir dalam lingkungan suku kata tertutup dan terbuka. Vokal ini boleh hadir atau berada dalam semua lingkungan kata, sama ada di awal kata, di tengah kata atau akhir kata.

Contohnya:

| Awal kata        | tengah kata         | akhir kata       |
|------------------|---------------------|------------------|
| [ i t e ? ] itik | [ h i R i h ] hiris | [ m a R i ] mari |
| [ i k o ? ] ikut | [ a ɔ i n ] angin   | [ b a s i ] basi |
| [ i p a ] ipar   | [ n i p i h ] nipih | [ c a R i ] cari |

#### b) Vokal depan separuh sempit [ e ]

Vokal depan separuh sempit [ e ] dalam DCK boleh hadir dalam semua lingkungan kata. Fonem vokal ini boleh hadir sama ada di awal kata, di tengah kata atau akhir kata.

Contohnya:

| Awal kata           | tengah kata             | akhir kata        |
|---------------------|-------------------------|-------------------|
| [ e h ] terperanjat | [ p i l e h ] pilih     | [ b u t e ] butir |
| [ e ] air           | [ t i t e h ] keturunan | [ p a s e ] pasir |
| [ e l m u ] ilmu    | [ p u t e h ] putih     | [ h a s e ] hasil |

Walaupun vokal ini boleh hadir dalam semua lingkungan kata, namun vokal ini lebih banyak terdapat dalam lingkungan di awal kata dan akhir kata.

#### c) Vokal depan separuh luas [ ε ]

Dalam DCK, vokal [ ε ] boleh hadir dalam lingkungan suku kata terbuka dan juga dalam suku kata tertutup. Vokal ini juga boleh berada di awal, di tengah kata dan di akhir kata.

Contohnya:

|                |                     |                    |
|----------------|---------------------|--------------------|
| Awal kata      | tengah kata         | akhir kata         |
| [ ε 1 a ] ela  | [ b ε w a  ] biawak | [ k e d ε ] kedai  |
| [ ε k ɔ ] ekor | [ b ε l a ] bela    | [ s a p ε ] sampai |

d) Vokal depan luas [ a ]

Dalam DCK, vokal [ a ] boleh hadir dalam semua lingkungan kata, iaitu di awal kata, di tengah kata dan di akhir kata. Oleh sebab itulah vokal ini yang paling kerap digunakan.

Contohnya:

|                |                     |                        |
|----------------|---------------------|------------------------|
| Awal kata      | tengah kata         | akhir kata             |
| [ a  n ] angin | [ k a s o  ] kasut  | [ b e s ɔ ] besar      |
| [ a w a ] awal | [ k a t e ] katil   | [ b ε s a ] biasa      |
| [ a k u ] aku  | [ t a b o h ] pukul | [ w o  p a ]<br>kenapa |

Dalam DCK, vokal [ a ] apabila dibunyikan dalam pertuturan biasa bibir tidak perlu dihamparkan sepenuhnya. Hal ini bertujuan untuk menghasilkan bunyi yang agak nipis dan kurang jelas.

### 7.1.2 *Vokal tengah [ə]*

Vokal tengah [ə] dalam DCK hanya hadir dan wujud dalam lingkungan suku kata tertutup sahaja. Vokal ini juga hanya hadir di tengah kata sahaja.

Contohnya:

|                     |
|---------------------|
| Tengah kata         |
| [ s ə t e  ] lastik |
| [ b e s a ] besar   |
| [ b ə t e ? ] betik |

### 7.1.3 Vokal belakang

- a) Vokal belakang sempit [ u ]

Dalam DCK, vokal [ u ] boleh hadir dalam semua lingkungan suku kata, sama ada tertutup atau terbuka. Vokal ini juga turut hadir di setiap lingkungan kata, sama ada di awal kata, tengah dan akhir kata.

Contohnya:

| Awal kata  | tengah kata   | akhir kata        |
|--|---|-------------------|
| [ u l a ] ular   | [ b u k a ] buka  | [ k a l u ] kalau |
| [ u l a ] ulang  | [ t u t o  ] tutup | [ p i t u ] pintu |
| [ u b a  ] ubat | [ t u l e h ] tulis   | [ l a l u ] pintu |
| [ u s e  ] usik | [ t u p e ] tupai   | [ b a u ] baru    |

- b) Vokal separuh sempit [ o ]

Vokal [ o ] dalam DCK boleh hadir dalam semua lingkungan suku kata sama ada dalam lingkungan suku kata terbuka atau tertutup. Vokal ini juga turut hadir di setiap kata, sama ada di awal, tengah dan akhir kata.

Contohnya:

| Awal kata   | tengah kata  | akhir kata              |
|---|--|-------------------------|
| [ o R a  ] orang   | [ b o  p a] kenapa    | [ t e p o h ]<br>tempoh |
| [ o t a  ] otak    | [ p o  k a ] binatang | [ b e t o ] betul       |
| [ o m b a  ] ombak | [ s o  R a ] seorang  | [ t i d o ] tidur       |

- c) Vokal belakang separuh luas [ ɔ ]

Dalam DCK, vokal [ ɔ ] hadir dalam semua lingkungan suku kata. Vokal ini juga turut hadir di awal kata, tengah dan akhir kata.

Contohnya:

|               |                     |                         |
|---------------|---------------------|-------------------------|
| Awal kata     | tengah kata         | akhir kata              |
| [ ɔ ə ] tahan | [ l ɔ ə ] biarkan   | [ g o m ɔ ]<br>bergaduh |
|               |                     | [ s o ə m ɔ ]<br>selalu |
|               | [ k a s ɔ ] kasar   |                         |
|               | [ m ɔ 1 e ə ] molek |                         |

#### 7.1.4 Vokal rangkap

Vokal rangkap, iaitu rentetan dua vokal yang ada nada, tekanan dan kepanjangan yang sama bagi tiap-tiap vokal yang memerlukan rangkap tersebut. Rangkap vokal yang dicirikan oleh ‘haitus’, iaitu hentian sebentar pada yang memisahkan kedua-dua vokal binaannya supaya vokal itu mendirikan suku kata yang berasingan sama ada bersama atau tanpa bunyi yang lain (Arbak Othman, 1986:60). Vokal rangkap yang terdapat dalam DCK terdiri daripada / i a / . / u a / , dan / ui / . Vokal rangkap jelas kedengaran peralihan bunyi terselit fonem separuh vokal / w / dan / y / .

| DCK           | BMB  |
|---------------|------|
| [ d u w i ə ] | duit |
| [ k u w e h ] | kuih |
| [ b u w e h ] | buih |
| [ t u w a h ] | tuah |

#### 7.1.5 Diftong

Dalam DCK, tidak terdapat diftong. Setiap diftong mempunyai kesejajaran yang tersendiri dengan vokal dalam DCK. Diftong [ a u ] dalam bahasa Melayu baku mempunyai kesejajaran dengan vokal [ a ] dalam DCK. Jadi, diftong [ a u ] akan berubah menjadi [ a ] dalam DCK.

Contohnya:

| DCK         | BMB    |
|-------------|--------|
| [ p i s a ] | pisau  |
| [ p u l a ] | pulau  |
| [ k u b a ] | kerbau |

Manakala diftong [ a y ] dalam bahasa melayu baku mempunyai kesejajaran dengan vokal [ a i ] dalam DCK. Jadi, apabila diftong ini hadir dalam DCK akan berubah menjadi [ ε ] dalam semua lingkungan kata diftong tersebut hadir.

Contohnya:

|                            |                    |
|----------------------------|--------------------|
| Awal kata                  | akhir kata         |
| [ h ε R a n ] hairan       | [ k e d ε ] kedai  |
| [ s ε t a n ] syaitan      | [ p a k ε ] pakai  |
| [ m a l ε k a ↗ ] malaikat | [ s a p ε ] sampai |

## 7.2 Konsonan

Bunyi konsonan adalah bunyi-bunyi yang dalam penerbitannya mengalami sempitan atau sekatan di rongga tekak atau oral atau di rongga nasal yang bersuara atau tidak bersuara itu ditentukan oleh keadaan pita suara (Arbak Othman, 1986: 61). Oleh itu, bunyi konsonan adalah bunyi-bunyi yang mengalami halangan pada aliran udara dari paru-paru, sama ada disekat atau disempitkan melalui rongga mulut atau rongga hidung. DCK terdapat 21 bunyi konsonan, iaitu seperti yang berikut:

- a. Plosif : / p /, / b /, / t /, / d /, / k /, / g /, / dan / ↗ /
- b. Afrikat : / c /, dan / j /
- c. Frikatif : / s /, / h /, / z /, / ū /
- d. Nasal : / m /, / n /, / ū / dan / ţ /
- e. Geseran : / r /
- f. Lateral : / l /
- g. Semi vokal : / w / dan / j /

### 7.2.1 Konsonan plosif

Dalam DCK, konsonan plosif atau konsonan letupan hanya hadir di awal dan tengah sahaja. Setiap konsonan plosif yang hadir di akhir kata akan digantikan dengan fonem konsonan hentian glotis.

- a) Konsonan letupan dua bibir tidak bersuara [ p ]

Konsonan letupan dua bibir tak bersuara [ p ] dalam DCK hanya boleh hadir di awal dan di tengah kata sahaja.

Contohnya:

|                     |                     |
|---------------------|---------------------|
| Awal kata           | tengah kata         |
| [ p a k a y ] pakai | [ a p a ] apa       |
| [ p u l a u ] pulau | [ k a p a y ] kapal |

- b) Konsonan letupan dua bibir bersuara [ b ]

Dalam DCK, konsonan letupan dua bibir bersuara [ b ] hanya boleh dalam lingkungan awal dan tengah kata sahaja.

Contohnya:

|                    |                     |
|--------------------|---------------------|
| Awal kata          | tengah kata         |
| [ b a k a ] bakar  | [ t ε b u ] tebu    |
| [ b a l o ? ] baut | [ c a b u ? ] cabut |

- c) Konsonan letupan gigi-gusi tak bersuara [ t ]

Konsonan letupan gigi-gusi bersuara [ t ] dalam DCK hanya boleh hadir dalam lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja.

Contohnya:

|                     |   |
|---------------------|---|
| Awal kata           | tengah kata   |
| [ t i k a r ] tikar | [ s a t u ] satu  |
| [ t ε l u r ] telur | [ b ε t i  ] betik |

- d) Konsonan letupan gigi-gusi bersuara [ d ]

Konsonan letupan gigi-gusi bersuara [ d ] dalam DCK hanya boleh hadir dalam dua lingkungan kata sahaja iaitu di awal dan di tengah kata juga.

Contohnya:

|                     |                     |
|---------------------|---------------------|
| Awal kata           | tengah kata         |
| [ d u d o ? ] duduk | [ m u d a ] muda    |
| [ d a l e h ] dalih | [ h u d o h ] huduh |

e) Konsonan letupan lelangit lembut tak bersuara [ k ]

Dalam DCK, Konsonan lelangit lembut tak bersuara [ k ] ini hanya boleh hadir dalam dua lingkungan kata sahaja, iaitu di awal kata dan tengah kata sahaja.

Contohnya:

|   |  |
|---|--|
| Awal kata   | tengah kata  |
| [ k a t ε ] katil   | [ s e k a  ] sekat  |
| [ k a l i  ] balik | [ h a k i  ] angkat |

f) Konsonan letupan lelangit lembut bersuara [ g ]

Dalam DCK, konsonan lelangit lembut bersuara [ g ] boleh hadir atau wujud hanya dalam dua lingkungan kata sahaja, iaitu di awal dan di tengah kata.

Contohnya:

|                        |                   |
|------------------------|-------------------|
| Awal kata              | tengah kata       |
| [ g ε b a r ] gebar    | [ g a g a ] gagau |
| [ g ε n a ] macam mana | [ p a g a ] pagar |

g) Konsonan hentian glotis [  ]

Konsonan hentian glotis [  ] dalam DCK boleh hadir dalam lingkungan tengah dan akhir kata apabila perkataan itu berakhir dengan konsonan plosif yang lain. Oleh itu, konsonan plosif yang terdapat dalam lingkungan akhir kata akan digantikan dengan konsonan [  ] ini.

Contohnya:

|   |  |
|---|--|
| Tengah kata   | akhir kata   |
| [ s ε  s a ] siksa | [ t e p a  ] tempat |
| [ p a  s a ] paksa | [ k a k ɔ  ] kakak  |

### 7.2.2 Konsonan afrikat

a) Konsonan letupan gusi lelangit keras tak bersuara [ c ]

Dalam DCK, konsonan [ c ] hadir dalam dua lingkungan kata iaitu di awal dan di tengah kata.

Contohnya:

|   |                   |
|---|-------------------|
| Awal kata   | tengah kata       |
| [ c i c a  ] cincang | [ l e c ε ] leleh |
| [ c i c a  ] cicak   | [ b ε c i ] benci |

- b) Konsonan letupan gusi lelangit keras bersuara [ j ]

Penggunaan konsonan ini dalam DCK dikekalkan. Konsonan ini hadir dalam dua lingkungan kata, iaitu awal dan tengah kata.

Contohnya:

|                      |                   |
|----------------------|-------------------|
| Awal kata            | tengah kata       |
| [ j e n u h ] banyak | [ h i j a ] hijau |
| [ j e l ] jelir      | [ k a j i ] kaji  |

### 7.2.3 Konsonan frikatif

- a) Konsonan geseran gusi lelangit keras tak bersuara [ s ]

Dalam DCK, konsonan [ s ] boleh hadir dalam dua lingkungan kata, iaitu di awal dan tengah kata. Jadi, penggunaanya dalam DCK dikekalkan.

Contohnya:

|                        |                     |
|------------------------|---------------------|
| Awal kata              | tengah kata         |
| [ s e m a w a ] ajakan | [ r a s a ] rasa    |
| [ s a m b a ] sambal   | [ p a ? s a ] paksa |

- b) Konsonan geseran gusi bersuara [ z ]

Konsonan geseran gusi bersuara [ z ] dalam DCK dikekalkan penggunaanya dalam situasi sebenar. Konsonan ini boleh hadir dalam dua lingkungan kata, iaitu di awal dan tengah kata.

Contohnya:

|                     |                    |
|---------------------|--------------------|
| Awal kata           | tengah kata        |
| [ z a k a ? ] zakat | [ re z a ? ] rezab |
| [ z a k a ? ] zakat | [ a z a ? ] azab   |

c) Konsonan geseran glotis tak bersuara [ h ]

Konsonan geseran glotis tak bersuara [ h ] dalam DCK boleh hadir dalam semua lingkungan kata, iaitu di awal, tengah dan akhir kata. Oleh sebab itulah, penggunaanya dikekalkan.

Contohnya:

|   |   |  |
|---|---|--|
| Awal kata<br>[ h a k e ? ] angkat<br>[ h a t a ] hantar | tengah kata<br>[ b h u n ] bihun<br>[ m o h o ] nakal | akhir kata<br>[ j e t u h ] jatuh<br>[ t o ? s a h ]<br>Jangan |
|---|---|--|

d) Konsonan geseran lelangit lembut bersuara [ γ ]

Dalam DCK, konsonan geseran lelangit lembut [ γ ] boleh hadir dalam dua lingkungan kata, iaitu di awal dan juga di tengah kata.

Contohnya:

|  |   |
|--|---|
| Awal kata<br>[ γ a k i ? ] rakit<br>[ γ a l i ? ] rali | tengah kata<br>[ b e γ i ] beri<br>[ c a γ i ] cari |
|--|---|

#### 7.2.4 Konsonan nasal

a) Konsonan sengauan dua bibir bersuara [ m ]

Konsonan sengauan [ m ] dalam DCK boleh hadir dalam semua lingkungan kata iaitu di awal, tengah dan akhir kata.

Contohnya:

|  |   |                                 |
|--|---|---------------------------------|
| Awal kata<br>[ m a l ah ] malas<br>[ m a m ε ] mamai | tengah kata<br>[ d e m ε ] demam<br>[ t i m b a ] timba | akhir kata<br>[ m a l ε ] malam |
|--|---|---------------------------------|

b) Konsonan sengauan gigi-gusi bersuara [ n ]

Dalam DCK, konsonan [ n ] juga boleh hadir dalam semua lingkungan kata, iaitu di awal kata, tengah dan akhir kata.

Contohnya:

|                      |                     |                     |
|----------------------|---------------------|---------------------|
| Awal kata            | tengah kata         | akhir kata          |
| [ n a p a ? ] nampak | [ t a n ε ] tanam   | [ k e n ] kain      |
| [ n a s i ? ] nasi   | [ p a n a h ] panas | [ s a b u n ] sabun |

- c) Konsonan sengauan lelangit lembut bersuara [ ɔ̄ ]

Konsonan sengauan lelangit lembut [ ɔ̄ ] dalam DCK boleh hadir dalam semua lingkungan kata, iaitu di awal, tengah dan akhir kata.

Contohnya:

|                      |                       |                    |
|----------------------|-----------------------|--------------------|
| Awal kata            | tengah kata           | akhir kata         |
| [ ɔ̄ a ɔ̄ a ] nganga | [ l a ɔ̄ i t ] langit | [ p a R a ɔ̄ ]     |
|                      | [ i ɔ̄ a t ] ingat    | parang             |
|                      |                       | [ o R a ɔ̄ ] orang |

Walau bagaimanapun, di awal kata konsonan ini tidak begitu produktif. Jadi, di awal kata konsonan ini jarang digunakan dalam pertuturan bahasa.

- d) Konsonan sengauan lelangit keras gusi bersuara [ jn ]

Dalam DCK, konsonan sengauan [ jn ] boleh hadir dalam dua lingkungan sahaja iaitu di awal, tengah dan akhir kata.

Contohnya:

|                       |                       |
|-----------------------|-----------------------|
| Awal kata             | tengah kata           |
| [ jn ɔ̄ ? ] kelapa    | [ l a jn a ? ] lanyak |
| [ jn a m o ? ] nyamok | [ b a jn a ? ] banyak |

- e) Konsonan getaran gigi-gusi bersuara [ r ]

Dalam DCK, konsonan getaran [ r ] boleh hadir dalam dua lingkungan kata sama ada di awal dan ditengah kata. Konsonan ini hadir untuk perkataan asing yang diserapkan dalam DCK. Jadi, penggunaan konsonan [ r ] tidak pernah digantikan dengan konsonan lain.

Contohnya:

|                        |                      |
|------------------------|----------------------|
| Awal kata              | tengah kata          |
| [ r u j o ? ] rujuk    | [ a r n a ? ] arnab  |
| [ r a h m a ? ] rahmat | [ b o r a ♀ ] borang |

f) Konsonan lateral [ l ]

Dalam DCK, konsonan lateral [ l ] hanya boleh hadir dalam dua lingkungan kata sahaja, iaitu di awal dan tengah kata.

Contohnya:

|                        |                   |
|------------------------|-------------------|
| Awal kata              | tengah kata       |
| [ l a l i ] lali       | [ h a l u ] alu   |
| [ l a m b a ? ] lambat | [ s a l ε ] salai |

## 8.0 KESIMPULAN

Kajian ini menyerahkan bahawa hakikat dialek dalam pertuturan masyarakat sesebuah tempat atau kawasan dipengaruhi oleh budaya. Pengaruh budaya seperti penjajahan, perkahwinan, penghijrahan, pendidikan dan ekonomi sangat mempengaruhi dialek dan kehidupan sosial sesebuah masyarakat. Dalam konteks ini, masyarakat yang terdapat di kawasan Pendang, Kedah menuturkan dialek yang berlainan mengikut kawasan. Sebagai contoh, Kampung Charok Kudung menggunakan dialek yang seakan dialek Kelantan. Selain itu, penduduk di Kampung Bukit Jambul menggunakan dialek Kedah seperti yang digunakan di kawasan-kawasan lain. Hal ini menunjukkan bahawa terdapatnya keunikan dalam dialek Kedah walaupun dalam daerah yang sama.

Kajian ini turut melihat aspek fonem vokal dan konsonan yang terdapat dalam dialek Charok Kudung. Secara keseluruhannya, Dialek Charok Kudung mempunyai lapan fonem vokal dan 21 fonem konsonan. Pengkaji berpendapat bahawa keunikan dialek dalam perbualan atau pertuturan harian masyarakat di kawasan Pendang bergantung kepada pengaruh tertentu. Dengan perkataan lain, pengaruh sosia-budaya dalam dialek sesuatu kawasan berlainan dari segi fonetik dan leksikal.

## RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. (1997) . *The Phonological Diversity Of The Malay Dialect*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. (1993). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. (2001). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chamber. J. K. & Peter Trudgil. (1990). *Dialektologi* (Penterjemah: Anuar Ayub). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James T. (1986). *Antologi Kajian Dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farid M. Onn, & Ajid Che Kob (eds). (1993). *Siposium Dialek: Penyelidikan dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (1981). *Beberapa Persoalan Sosiolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. (1986). *Bahasa Malaysia: Persoalan dan Pengelolaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zakiah Abidin Safarwan. (1995). *Kamus Besar Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn.Bhd.
- Zakiah Harun. (1986). *Asal Usul Negeri-Negeri di Malaysia*. Kuala Lumpur. Times Books International Singapore.